

**SKEMA UJIAN DIAGNOSTIK SPM
TAHUN 2013**

**PANDUAN PEMARKAHAN - B.MELAYU KERTAS 2 1103/2
Soalan 1**

Markah penuh 30:

1. Isi - 20 markah
2. Bahasa - 10 markah

(a) Isi – 20 markah

(b) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan

- Nama khas
- Perkataan berulang
- Penggunaan kata sendi di dan ke
- Angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- Gelaran
- Peribahasa
- Kata ganda

(c) Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja sebelum diperiksa

(d) Periksa jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja. Yang selebihnya tidak perlu diperiksa.

(e) Beri markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

(f) Pemberian markah:

Pendahuluan	2
Isi Tesurat	12
Isi Tersirat	4
Kesimpulan	2
JUMLAH	20

Isi	20
Bahasa	10
JUMLAH	30

- ***Bahasa baik / cemerlang*** = separuh markah isi + 1
- ***Bahasa Biasa*** = Separuh markah isi
- ***Bahasa Lemah (ada kelemahan)*** = separuh markah isi - 1
- Jika disalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 patah perkataan, berikan 0 markah.
- Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah tidak dipotong.

SKEMA PEMARKAHAN**Rumusan****Pendahuluan / Pengenalan [2 markah]**

Petikan membincangkan langkah-langkah /tindakan-tindakan menghargai jasa veteran tentera di negara kita/ yang tidak ternilai. 2m

Petikan membincangkan langkah-langkah/tindakan-tindakan menghargai jasa veteran tentera. 1m

Isi Tersurat (4 hingga 12 markah)**Markah**

- | | | |
|----|--|----|
| S1 | Program Pengiktirafan Veteran 1Malaysia dirasmikan oleh Perdana Menteri. | 2m |
| S2 | Kerajaan menyediakan rumah yang selesa pada kos yang rendah kepada veteran tentera | 2m |
| S3 | Kerajaan Memenuhi keperluan kebajikan keluarga veteran tentera. | 2m |
| S4 | 31 kem tentera dijadikan pusat sehenti veteran tentera | 2m |
| S5 | JHEV memperkenalkan Program penempatan kerja untuk veteran tentera. | 2m |
| S6 | Bantuan dan khidmat nasihat untuk memulakan perniagaan. | 2m |
| S7 | Veteran tentera dipelawa mengikuti pelbagai latihan dan kursus | 2m |
| S8 | Taklimat mengenai Azam Niaga telah diadakan. | 2m |
| S9 | Veteran tentera dibekalkan dengan Kad Bekas Tentera. | 2m |

Isi Tersirat (4 hingga 12 markah)**Markah**

- | | | |
|----|---|----|
| T1 | Veteran tentera pernah mempertahankan negara daripada ancaman musuh / Veteran tentera pernah berkorban nyawa demi negara. | 2m |
| T2 | Veteran tentera pernah menjaga keselamatan negara. | 2m |
| T3 | Veteran tentera telah lama berkhidmat dalam kerajaan. | 2m |
| T4 | Veteran tentera memberi perkhidmatan kebajikan kepada rakyat. | 2m |
| T5 | Tugas murni veteran tentera mengekalkan kedaulatan negara. | 2m |
| T6 | Veteran tentera pernah menaikkan imej negara (MALBATT, dll) | 2m |

Kesimpulan

Kesimpulannya, kerajaan hendaklah berusaha membantu veteran tentera agar kehidupan mereka terbela. 2m

Kesimpulannya, kerajaan hendaklah berusaha membantu veteran tentera. 1m

Soalan 2

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 2(a) : **9** markah

Soalan 2(b) : **9** markah

Soalan 2(c) : **8** markah

Soalan 2(d) : **9** markah

Perhatian bagi soalan 2(a) hingga Soalan (2d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/sepurna.
3. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup	1
- Jawapan tidak tepat/ salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat gramatis	1
- Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi kurang lengkap/kurang relevan dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

SULIT

1103/2

**Pemahaman
Petikan Umum**

i. Maksud rangkai kata *menikmati keistimewaan*

- merasai / mengecap kelebihan/kebaikan/manfaat/faedah/ 2m
- menikmati kelebihan/kebaikan/ manfaat/faedah 1m

ii. Harapan kepada veteran tentera

- Meningkatkan taraf sosioekonomi 1m
- Veteran berdikari 1m
- Meningkatkan kedudukan moral 1m

(2 isi cukup)

[Maksimum 3 markah]

iii. Cara-cara menarik golongan remaja menyertai tentera

- Kerajaan mengadakan kempen menyertai tentera 1m
- Menawarkan skim gaji yang lebih baik 1m
- Menawarkan pelbagai kemudahan kepada tentera. 1m
- Menawarkan peluang kenaikan pangkat yang lebih luas 1m
- Menawarkan peluang melanjutkan pelajaran semasa berkhidmat 1m
- Melanjutkan had usia bersara semua anggota tentera kepada 60 tahun. 1m

(3 isi cukup)

[Maksimum 4 markah]

Soalan 2 (b) Petikan Drama

<p>(i) Masalah yang dihadapi oleh kanak-kanak kampung:</p> <ul style="list-style-type: none"> - anak-anak sakit - menghidap penyakit yang bukan-bukan - mata anak Romli dan Pak Sudin tertangkup - ada anak yang lumpuh - ada anak yang pekak - ada anak yang tolol <p style="text-align: right;">[Maksimum : 2 markah]</p>	<p>1m</p> <p>1m</p> <p>1m</p> <p>1m</p> <p>1m</p> <p>1m</p>
---	---

<p>(ii) Usaha – usaha untuk mengelakkan penyakit berjangkit:</p> <p><i>P1</i> Sentiasa menjaga kebersihan diri.</p> <p><i>P2</i> Kerajaan mengetatkan kawalan di pintu masuk negara.</p> <p><i>P3</i> Menghapuskan haiwan atau serangga pembawa penyakit.</p> <p><i>P4</i> Menyuntik vaksin pada masyarakat awam, sebagai langkah pencegahan,</p> <p><i>P5</i> Melarang rakyat negara ini melawat negara yang ada penyakit berjangkit.</p> <p><i>P6</i> Kerajaan menganjurkan kempen kesedaran tentang bahaya penyakit berjangkit.</p> <p>(Jawapan-jawapan lain yang sesuai boleh diterima – berasaskan pilihan jawapan yang disenaraikan)</p> <p style="text-align: right;">(2 isi cukup) [Maksimum : 3 markah]</p> <p>(iii) Pengajaran dalam petikan:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kita janganlah mencemarkan alam sekitar - <i>Tuan Dollah mencemarkan sungai dengan najis-najis kuda yang dipeliharanya. @ agar tahap kesihatan terpelihara.</i> - Kita janganlah mengabaikan kesihatan diri – <i>Ramai anak-anak kampung / penduduk kampung menghidap penyakit akibat pencemaran alam sekitar yang berlaku di kampung tersebut.</i> <p style="text-align: right;">[Maksimum : 2 markah]</p> <p>Pengajaran dalam keseluruhan drama:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kita hendaklah mencari rezeki atau harta yang halal. <i>Abu Lahab mengumpul harta dengan menipu orang kampung dan akhirnya mereka telah dimasukkan dalam tahanan.</i> - Kita janganlah menindas golongan yang lemah atau miskin. <i>Dollah dihina oleh masyarakat kampung sehingga tidak ada orang yang mahu menerima pinangannya kerana dia capik dan miskin.</i> - Kita hendaklah taat dan menunaikan perintah Allah. <i>Maulana</i> 	<p>1m</p> <p>1m</p> <p>1m</p> <p>1m</p> <p>1m</p> <p>1m</p> <p>1m</p> <p>[1+1]</p> <p>[1+1]</p> <p>[1+1]</p> <p>[1+1]</p>
---	---

<i>mengingatkan Dollah supaya mentaati Allah dan bukannya menurut nafsu.</i>	[1+1]
- Kita hendaklah insaf dan bertaubat atas segala kesalahan yang telah kita lakukan. <i>Abu Lahab dan isterinya insaf atas perbuatan mereka menipu orang kampung. Mereka berjanji akan memulangkan harta orang kampung semula.</i>	[1+1]
- Kita janganlah mencari kesenangan dan kemewahan dengan memperdaya orang lain – <i>Abu Lahab dan isterinya hanya mementingkan kekayaan sahaja sehingga sanggup memujuk dan memperdaya orang kampung supaya menjual tanah kepada Dolah.</i>	[1+1]
- Kita hendaklah menyebarkan ilmu yang kita miliki kepada orang lain – <i>Intan Siti Rahimah ingin mengajar anak-anak orang kampung untuk berkongsi ilmu dengannya.</i>	[1+1]
- Kita janganlah mudah terpedaya dengan pujukan orang lain – <i>Penduduk kampung menjual tanah mereka setelah dipujuk oleh Abu Lahab dan isterinya.</i>	[1+1]
- Kita janganlah mempercayai / terpengaruh dengan kepercayaan khurafat – <i>Dolah menggunakan azimat yang diberikan oleh Tuk pawang dan khidmat Jin tanah untuk mendapatkan kekayaan</i>	[1+1]
[Maksimum : 2 markah]	

Soalan 2(c) - Prosa Klasik(i) maksud rangkai kata *apa gunanya menyimpan*.

- tiada faedahnya menjaga / mengekalkan 2m
- tiada faedahnya menyimpan 1m
- apa gunanya menjaga / mengekalkan 1m

[maksimum 2 markah](ii) **Tindakan-tindakan Tuan Puteri Dayang Seri Jawa**

- memarahi Si Kembang Cina 1m
- bertanyakan sebab Si Kembang Cina berbuat sedemikian 1m
- menyuruh Si Kembang Cina menyediakan hidangan istimewa untuk 1m

SULIT**1103/2**

- Awang Sulung – talamnya beralaskan kain kuning
- menyuruh Si Kembang Cina mengambil buyung suasa berisi air masin 1m
 - menyuruh Si Kembang Cina merasa air tersebut 1m
 - memberi amaran kepada Si Kembang Cina 1m
 - Menunjuk muka Si Kembang Cina 1m

(2 isi cukup)**[Maksimum : 3 markah]****(iii) Yang wajar saya lakukan**

- P1 menasihati jurumudi agar melayan semua manusia secara bersopan /baik 1m
- P2 mengadakan perkara tersebut kepada Tuan Puteri Dayang Seri Jawa 1m
- P3 menghidangkan makanan yang baik seperti tetamu lain 1m
- P4 memarahi jurumudi 1m
- P5 memberitahu jurumudi akan identiti Awang Sulung yang sebenar 1m

(Jawapan-jawapan lain yang sesuai boleh diterima – berasaskan pilihan jawapan yang disenaraikan)

(2 isi cukup)**[Maksimum : 3 markah]****Soalan 2(d) Puisi****(i) Maksud:** *perkara susah menjadi senang*

- sesuatu hal/ masalah / kesulitan dapat diselesaikan dengan mudah 2m
- perkara yang susah dapat diselesaikan dengan mudah 1m
- sesuatu hal/ masalah / kesulitan dapat diselesaikan dengan senang 1m

[Maksimum : 2 markah]**(ii) Pada pendapat anda, mengapakah kita dilarang menangguh-nangguhkan pekerjaan yang telah diamanahkan kepada kita?**

- P1 untuk mengelakkan berlakunya kerugian 1m
- P2 agar kerja yang dilakukan tidak bertimbun / tidak menjadi beban / dapat diselesaikan dengan segera 1m
- P3 agar tidak membazirkan masa 1m
- P4 kita tidak tahu apakah yang berlaku pada masa hadapan yang menghalang kita untuk bekerja. 1m

SULIT**1103/2**

- | | |
|---|----|
| P5 untuk menghindari sifat tidak bertanggung jawab / tidak berdisiplin dalam pekerjaan / tidak mematuhi waktu bekerja @ peraturan kerja | 1m |
| P6 untuk menghindari sifat pemalas | 1m |
| P7 untuk mengelakkan bekerja pada saat akhir yang akan menjejaskan kualiti kerja / produktiviti | 1m |

(Jawapan-jawapan lain yang sesuai boleh diterima – berasaskan pilihan jawapan yang disenaraikan)

(2 isi cukup)**[Maksimum : 3 markah]**(iii) Dua **nilai murni** dalam gurindam:

- | | |
|---|-----|
| - Kesederhanaan – mengamalkan sifat sederhana dalam kehidupan | 1+1 |
| - Kebijaksanaan – bertindak dengan bijaksana | 1+1 |
| - Ketelusan – peribadi yang baik dijadikan amalan | 1+1 |
| - Baik hati – sentiasa bertimbang rasa dan bersimpati | 1+1 |

[Maksimum : 4 markah]**Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa****Markah penuh 30 markah dibahagikan kepada:**

- Soalan 3(a) : 6 markah
 Soalan 3(b) : 6 markah
 Soalan 3(c) : 6 markah
 Soalan 3(d) : 6 markah
 Soalan 3(e) : 6 markah

Perhatian bagi soalan 3(a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak ½ markah bagi kesalahan ejaan/ jalan bahasa/ tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Frasa berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambah atau menukar imbuhan, berikan 0 markah
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih tolak ½ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak ½ markah pada ayat tersebut.

Jawapan 3(a)**(i) kelihatan**

Maksud : dapat dilihat, tampak, pada lahirnya, rupanya, diketahui, jelas, ternyata.

(ii) penglihatan

Maksud : kuasa untuk melihat, kebolehan melihat, apa yang dipandang, perihal melihat

(iii) kekurangan

Maksud : tidak mempunyai atau mendapat sesuatu yang diperlukan, perihal atau keadaan kurang (tidak mencukupi), jumlah yang kurang atau yang menjadikan sesuatu tidak genap, cacat cela, ketidaksempurnaan, kelemahan

(iv) pengurangan

Maksud : perihal atau perbuatan mengurangi atau mengurangkan, penyusutan.

(v) kepanasan

Maksud : perihal panas, kehangatan, tersangat panas atau kena panas

(vi) pemanasan

Maksud : perihal memanasi atau memanaskan .

[6 markah]

Soalan 3b**(i) Mereka diminta menyusun kerusi sebelum acara sukan bermula di padang sekolah.**

Jawapan :

Sebelum acara sukan bermula mereka diminta menyusun kerusi di padang sekolah

Diminta mereka menyusun kerusi sebelum acara sukan bermula di padang sekolah

Sebelum acara sukan bermula di padang sekolah mereka diminta menyusun kerusi

- ii) **Encik Hashim telah membeli rumah banglo di Cameron Highlands dengan duit titik peluhnya sendiri.**

Jawapan :

Telah membeli rumah banglo Encik Hashim di Cameron Highlands dengan duit titik peluhnya sendiri

Dengan duit titik peluhnya sendiri Encik Hashim telah membeli rumah banglo di Cameron Highlands

Telah membeli rumah banglo di Cameron Highlands Encik Hashim dengan duit titik peluhnya sendiri

- iii) **Gadis dari Brunei Darussalam itu diperisteri oleh Encik Halim sebulan yang lalu**

Jawapan :

Diperisteri oleh Encik Halim gadis dari Brunei Darussalam itu sebulan yang lalu

Dari Brunei Darussalam gadis itu diperisteri oleh Encik Halim sebulan yang lalu.

[6 markah]

Soalan 3c

Kesalahan Ejaan

kontek	-	konteks
bertanggung jawab	-	bertanggungjawab
istemewa	-	istimewa

Kesalahan Imbuhan

penghidupan	-	kehidupan
bina	-	membina
memain	-	memainkan

[6 markah]

Soalan 3d**Kesalahan kata/ istilah**

kuat	-	lebat
intensif	-	insentif
ditemui	-	didapati

Kesalahan tatabahasa

antara sebab-sebab	-	antara sebab / sebab-sebab
kerajaan putuskan	-	diputuskan oleh kerajaan
ke mahkamah	-	di mahkamah

[6 markah]

Soalan 3e

- (i) Bara yang digenggam perlu menjadi arang / genggam bara api biar jadi arang.
- (ii) Di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung / masuk kandang kambing mengembek masuk kandang kerbau menguak
- (iii) Sediakan payung sebelum hujan

[6 markah]

Panduan pemarkahan bagi Soalan 4.

- (a) i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari
- ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- iii) Beri 2 markah bagi setiap peristiwa dan huraian
- iv) Beri 1 markah bagi peristiwa tanpa huraian
- v) Beri 0 markah bagi huraian tanpa peristiwa
- vi) Markah isi maksimum 4 markah
- vii) Markah bahasa maksimum 3 markah
- viii) Markah bahasa diberi secara *impression*
 - Baik : 3 markah
 - Sederhana : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
- ix) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa
- x) Jika calon tidak menjawab, beri 0 markah

[Maksimum : 7 markah]

- (b) i) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari
 ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap
 iii) Beri 1 markah bagi setiap pernyataan dan 2 markah bagi huraian/ccontoh
 iv) Beri 1 markah bagi setiap pernyataan tanpa huraian
 v) Markah isi maksimum 6 markah
 vii) Markah bahasa maksimum 2 markah
 viii) Markah bahasa diberi secara *impression*
 Baik : 2 markah
 Lemah : 1 markah
- vii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa
 viii) Jika calon tidak menjawab 0 markah

[Maksimum : 8 markah]**4a) Jawapan****Novel Azfa Hanani**

Masalah	Watak Sampingan	Cara / Peristiwa
Masalah Azfa Hanani menyesuaikan diri dengan keluarga Datin Maziah	Tengku Marzan	Di Hotel Universe, Tengku Mazran mengajar Azfa Hanani cara-cara bertutur, makan dan bergaul dengan Datin Maziah
Masalah kesempitan hidup untuk meneruskan persekolahan	Tengku Marzan	Meminta Azfa Hanani menyamar sebagai Tengku Murni dan seterusnya dibawa tinggal bersama-sama Datin Maziah dan Azfa Hanani dapat meneruskan persekolahan

Novel Kembara Amira

Masalah	Watak Sampingan	Cara / Peristiwa
Amira bersedih kerana sahabat baiknya Jacinta pengsan	Prof. Zaidah	Prof. Zaidah memeluk dan membelai Amira untuk mententeramkan Amira
Jacinta tidak berpuas hati kerana masih belum menemui batu kuarza	Itai	Itai membawa Amira ke sungai yang pernah menghanyutkannya untuk mencari emas dan emas itu dihadiahkan kepada Jacinta sebagai ganti batu kuarza.

Soalan (b)**Azfa Hanani****1. Persoalan ketaatan kepada agama.**

Azfa Hanani sering berdoa dan membaca al – Quran kepada arwah ibu bapanya .

2. Persoalan ketabahan seorang gadis remaja menghadapi kehidupan yang penuh ranjau.

Azfa Hanani dibesarkan oleh Pak Long Madi yang kurang berada.Dia juga tabah menghadapi liku – liku hidup di rumah banglo milik keluarga baharunya.

3. Persoalan keberanian menghadapi risiko.

Azfa Hanani, seorang gadis yang baru berumur 17 tahun tetap berani mengambil risiko menyamar sebagai Tengku Murni untuk membantu sepupunya.

4. Persoalan kegigihan menimba ilmu pengetahuan.

Sikap ini ditunjukkan Azfa Hanani, walaupun berasal daripada keluarga miskin dia gigih belajar dengan tujuan untuk membaiki masa depan keluarga dan hidupnya.

Kembara Amira

1. Persoalan kasih sayang seorang ibu terhadap anaknya.

Persoalan ini digambarkan melalui sikap Profesor Zaidah yang sanggup meninggalkan kerjanya demi mencari Amira di Gunung Gua Gajah.

2. Persoalan perkahwinan kedua menimbulkan konflik jiwa dalam diri anak-anak.

Perkara ini dipaparkan melalui konflik jiwa yang dialami oleh Jacinta kerana tidak dapat menerima kehadiran ibu tirinya yang dikahwini oleh bapanya setelah kematian ibu kandungnya. Konflik ini telah menyebabkan Jacinta selalu mengelak daripada berjumpa dengan keluarganya.

3. Persoalan kegiatan manusia yang merosakkan alam sekitar.

Hal ini dapat dibuktikan melalui kerakusan manusia yang melakukan pembalakan haram dan penerokaan khazanah hutan untuk mencari emas.

4. Persoalan kecintaan terhadap alam sekitar.

Persoalan ini digambarkan melalui sikap dingin Tau terhadap kehadiran orang luar ke kawasan Bukit Mat Raya kerana risau kawasan tersebut akan musnah.

TAMAT SKEMA JAWAPAN